

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG PERSEKUTUAN TANAH MELAYU MERDEKA YANG PERTAMA



Oleh Nurzuliana
Kamaruzaman

PERNAHKAH anda meneliti wang kertas Ringgit Malaysia? Jika dilihat pada siri wang kertas baharu Ringgit Malaysia, ciri budaya dan warisan negara, berserta keindahan alam semula jadi menjadi inspirasi kepada reka bentuk wang kertas ini. Namun begitu, antara ciri yang dikekalkan daripada siri pertama wang kertas Ringgit Malaysia ialah wajah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tanah Melayu Merdeka yang pertama.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad, merupakan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tanah Melayu Merdeka yang pertama. Baginda diputerakan pada 24 Ogos 1895 di Bandar DiRaja Seri Menanti, Negeri Sembilan. Baginda merupakan putera kedua kepada pasangan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, DYMM Tuanku Muhammad ibni



Tuanku Antah dan Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Puan Chik.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jempol, Negeri Sembilan, baginda seterusnya melanjutkan pelajaran menengah di Sekolah Melayu Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1907 hingga tahun 1914. Sebelum melanjutkan pelajarannya dalam bidang Perundangan di England, baginda memegang beberapa jawatan penting seperti yang berikut:

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad.

- Pegawai Melayu di Sekretariat Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1914.
- Penolong Pegawai Pemungut Hasil Tanah di Seremban, Negeri Sembilan, pada 20 November 1915.
- Leftenan Muda *Malay Volunteer Infantry (MVI)* pada tahun 1916.
- Leftenan *Malay Volunteer Infantry (MVI)* pada tahun 1918.
- Pegawai Pentadbir Melayu (*Malay Administrative Service*) Daerah Kelang pada 22 Ogos 1921.
- Pemangku Penolong Pegawai Melayu Daerah Kelang.
- Pemangku Penolong Pegawai Daerah Ulu Selangor pada 26 Oktober 1922.
- Timbalan Pemangku Pegawai Daerah Ulu Selangor pada 1 Jun 1923.
- Memegang jawatan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 12 Januari 1925.
- Pemangku Penolong Pegawai Daerah Sepang pada 2 Mac 1925.

Duli Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad semasa lawatan ke Depot Polis FMS di Jalan Bluff, Kuala Lumpur.



Tuanku Abdul Rahman ibni Al Marhum Tuanku Muhammad sedang menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di King's House, Kuala Lumpur pada 5 Ogos, 1957.



Pada 5 Mei 1925, baginda berangkat ke United Kingdom bagi mengiringi ayahandanya, DYMM Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah untuk menziarahi King George V. Berikutan itu, sepanjang baginda di sana, baginda telah menanam azam untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Perundangan. Atas perkenan ayahandanya, baginda terus menetap di England untuk mencapai impiannya itu di Inner Temple, London. Baginda telah menamatkan pengajiannya pada 19 November 1928 dan berangkat pulang ke tanah air pada 28 Disember 1928.

Kepulangan dan pengumuman baginda ke tanah air telah disambut meriah, bukan sahaja oleh kerabat istana, malah oleh seluruh rakyat Tanah Melayu. Kepulangan baginda juga disiarkan di dada-dada akhbar sebagai tanda penghormatan dan kebanggaan rakyat di Tanah Melayu. Baginda juga merupakan


satu-satunya Raja Melayu yang berlatarbelakangkan pendidikan perundangan yang menjadi suatu kebanggaan.

Pada 21 Februari 1930, baginda dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah (II) Tapah, Perak. Kemudian, baginda ditukarkan ke Daerah Gopeng dan Kampar, Perak. Pada 20 Februari 1930 pula, baginda dilantik menjadi Pengadil Mahkamah II dalam Kelas IV dan kemudiannya dilantik sebagai Pemangku Penyimpan Rekod-rekod di Mahkamah Ipoh dalam Kelas III pada 30 April 1931. Bermula pada 29 Februari 1932 pula, baginda dilantik untuk memegang jawatan sebagai Pengadil Mahkamah Tambahan Kuala Lumpur. Pada Jun 1933, baginda sekali telah diberikan kepercayaan untuk menjadi Pemangku Pegawai Daerah Batang Padang, Perak.

Mengimbas kembali pelantikannya dalam pemerintahan


Negeri Sembilan, baginda telah diangkat sebagai Tunku Muda Seriting pada tahun 1917 selepas kemangkatan kakanda sulung baginda, iaitu Almarhum Tuanku Abdul Aziz ibni Almarhum Tuanku Muhammad. Pada ketika itu, bapa saudara baginda, iaitu Tunku Besar Burhanuddin ibni Almarhum Tuanku Antah menyandang jawatan sebagai Tunku Besar Seri Menanti. Adinda baginda, Tunku Laksamana Nasir ibni Tuanku Muhammad pula memegang jawatan sebagai Tunku Laksamana.

Tanggal 1 Ogos 1933 menjadi detik hiba kepada baginda apabila ayahandanya, iaitu Tuanku Muhammad ibni Almarhum Tuanku Antah, mangkat pada usia 68 tahun setelah hampir 45 tahun memerintah Negeri Sembilan. Bagi meneruskan legasi pemerintahan Negeri Sembilan yang diwariskan oleh ayahandanya, Yang Mulia Tuanku Abdul Rahman diangkat sebagai Yang di Pertuan



Duli Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad sewaktu upacara 'mengadap' sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 3 Ogos di Istana Besar, Seri Menanti, Negeri Sembilan.

DYMM Sultan dan gabenor menghadiri Upacara Pelantikan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Pertama.



Yang di-Pertuan Agong Pertama, Tuanku Abdul Rahman mengangkat sumpah di Istana Negara.



Tuanku Abdul Rahman ibni Al Marhum Tuanku Muhammad, sedang bertitah di Majlis Pembukaan Federal Legislative Council pada 3 September 1957.



Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad semasa merasmikan Pembukaan Bank Negara pada 24 Januari 1959.

Besar Negeri Sembilan yang baharu pada 3 Ogos 1933, ketika baginda berusia 38 tahun.

Pada 26 April 1934, upacara

pertabalan telah dilangsungkan di Istana Lama Seri Menanti. Pada 25 April 1934, Yang Mulia Tuanku Abdul Rahman dianugerahi Bintang Kebesaran K.C.M.G (*Knight Commander of The Most Distinguished Order of Saint Michael and Saint George*) oleh Baginda King George V. Pada tahun 1957, baginda dianugerahi bintang G.C.M.G. (*Knight Grand Cross of The Most Distinguished Order of Saint Michael and Saint George*).

Setelah Tanah Melayu mendapat kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957, perlembagaan negara yang baharu dibentuk untuk menetapkan pelantikan seorang Ketua Negara yang bergelar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tanggal 3 Ogos 1957, pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Merdeka telah diadakan melalui satu Persidangan Khas Raja-raja

Melayu di Dewan Mesyuarat Majlis Kerajaan Persekutuan, Kuala Lumpur.

Persidangan khas ini dipengerusikan oleh Sultan Kedah, Duli yang Maha Mulia Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, dan dihadiri oleh semua raja dan sultan, kecuali Sultan Johor yang ketika itu berada di Eropah dan telah diwakili oleh Tengku Mahkota Johor. Di persidangan ini, buat pertama kalinya menyaksikan pemilihan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong diadakan bagi Persekutuan Tanah Melayu Merdeka.

Pemilihan ini dilakukan mengikut Bahagian 4, Artikel 32, Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan telah dipilih sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Tuanku Sir Hishamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah, iaitu Sultan Selangor dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Merdeka.

Baginda ditabalkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 2 September 1957 bersama-sama

isteri baginda yang juga ditabalkan sebagai Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Kursiah di Balairong Seri Istana Negara, Kuala Lumpur. Sepanjang bergelar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baginda amat menitikberatkan demokrasi di dalam pentadbirannya. Ketokohan baginda bukan sahaja sebagai seorang raja yang berpendidikan tinggi, malah disanjung sebagai peguam dan ahli perkhidmatan awam yang amat berdedikasi.

Khabar duka pula mengiringi pada 1 April 1960, apabila negara dikejutkan dengan pemergian baginda yang mangkat dalam tidurnya ketika baginda berusia 65 tahun di Istana Negara, Kuala Lumpur. Sebagai penghormatan terakhir, jenazah baginda telah disemayamkan di Dewan Banquet Istana Negara.

Pada 2 April 1960, jenazah baginda telah dibawa menaiki kereta api ke Seremban untuk dibawa ke Istana Besar Seri Menanti untuk dimakamkan di Makam DiRaja Seri Menanti, Negeri Sembilan. Sebagai penghargaan dan ingatan abadi untuk rakyat dan negara Malaysia, wajah baginda diabadikan pada wang kertas Ringgit Malaysia oleh Bank Negara bermula pada tahun 1967 sehingga hari ini.